

NGO bantu pantau kegiatan cemar alam sekitar

Oleh [Fahmy A Rosli](#) - Oktober 24, 2021 @ 2:26pm

fahmy.azril@bh.com.my



Keadaan air yang keruh dan agak hitam di Sungai Kim Kim, dipercayai akibat pembuangan sisa toksik. - Foto fail NSTPHIS/ZAIN AHMED

KUALA LUMPUR: Agensi kerajaan diminta berkongsi maklumat kawasan berlaku pencemaran dengan pihak ketiga seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya tindakan penguatkuasaan dan pemantauan dapat dilakukan bersama dengan lebih berkesan.

Pengerusi Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA), Hafizuddin Nasarudin, berkata langkah bersepada itu perlu bagi mengelakkan alasan demi alasan diberikan oleh agensi berkaitan dalam menangani isu pencemaran di negara ini.

Beliau berkata, bantuan daripada komuniti dan NGO diperlukan supaya agensi kerajaan tidak bekerja bersendirian.

"Kita memang akui, ada masalah antara agensi kerajaan kerana mereka bekerja secara sendiri. Kadang-kadang, mereka saling menuding jari kepada agensi yang lain. Perlu ada penyelarasan antara agensi.

"Apabila berlaku isu pencemaran, memang penguatkuasaan dan pemantauan itu lemah. Selalu beri alasan tak cukup kakitangan, tak cukup kapasiti untuk pantau satu kawasan besar dan sebagainya.

"Kalau mereka bersungguh-sungguh mahu menangani masalah ini, mereka perlu babitkan pihak ketiga seperti komuniti setempat dan NGO," katanya kepada BH.

Beliau mengulas laporan BH hari ini mengenai empat negeri iaitu Selangor, Johor, Pahang dan Perak dikenal pasti antara negeri yang mempunyai banyak kawasan dijadikan tempat pembuangan sisa toksik secara haram di negara ini.

Ia berdasarkan cerapan imej menggunakan satelit secara berkala yang dijalankan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) susulan tragedi Sungai Kim Kim, dekat Pasir Gudang, Johor yang tercemar dengan sisa kimia berbahaya, tiga tahun lalu.

Ketua Pengarah MYSA, Azlikamil Napiah, berkata sebahagian data cerapan berhubung pelupusan sisa toksik itu sudah dibentangkan kepada pihak berkuasa di negeri terbabit untuk penelitian dan tindakan seterusnya.

Hafizuddin juga mengesyorkan supaya diwujudkan satu jawatankuasa khas yang mengumpulkan semua agensi berkaitan bagi memastikan isu pencemaran ditangani secara bersepada.

"Kerajaan negeri menerusi EXCO Alam Sekitar kena wujudkan satu jawatankuasa khas, yang mengumpulkan semua agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan sebagainya.

"Ia tidak lain berperanan untuk bekerjasama bagi mencegah kegiatan pencemaran dan memperketatkan lagi penguatkuasaan," katanya.